

# KENYATAAN AKHBAR

19 November 2019

Untuk Siaran Segera

## KEGEMBIRAAN KEMBALI KE SEKOLAH BERSAMA BANK MUAMALAT

Kuala Lumpur, Selasa: Sempena persiapan sesi persekolahan tahun 2020, Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat) hari ini telah mengagihkan barang-barang keperluan untuk ke sekolah kepada 147 orang pelajar yang terpilih dalam majlis Kembali Ke Sekolah (Back to School) yang diadakan di Ibu Pejabat Bank Muamalat, Menara Bumiputra.

Para pelajar daripada Sekolah Kebangsaan St. John 2 (45 orang), Sekolah Kebangsaan Perempuan Jalan Batu (30 orang), Sekolah Menengah Kebangsaan Hillcrest (40 orang), dan Rumah Anak Yatim Raudhatul Al-Faeez (22 orang) menerima sumbangan berjumlah RM350 setiap seorang, berupa kelengkapan sekolah bernilai RM250 dan wang tunai berjumlah RM100 serta baucar buku bernilai RM30. Sumbangan juga turut diberikan kepada 10 orang pelajar yang terdiri daripada anak-anak kakitangan Bank Muamalat yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan.

Penyampaian sumbangan tersebut disempurnakan oleh **Pengerusi Bank Muamalat** iaitu, **Y.Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Mohd Munir Abdul Majid**, bersama-sama dengan **Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat** iaitu, **Y.Brs Encik Khairul Kamarudin** serta disaksikan oleh Ahli Pengurusan Kanan dan kakitangan Bank Muamalat.

**Pengerusi Bank Muamalat** berkata, "Program kembali ke sekolah yang dianjurkan oleh Bank Muamalat ini sudah pun terlaksana selama tujuh tahun semenjak tahun 2013. Selain melaksanakan rangka kerja inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) Bank Muamalat, ia juga bertujuan membolehkan pelajar-pelajar membuat persediaan bagi menghadapi sesi persekolahan 2020. Sumbangan ini juga sebagai suntikan semangat dan pendorong kepada para pelajar agar lebih berdaya maju dan cemerlang dalam pelajaran, seterusnya meningkatkan taraf sosio ekonomi masing-masing di masa hadapan".

- Tamat -

